



MEMO

KEPADA : Hjh Nor Hafizah Mohd Arop
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak

DARIPADA : Hafiza Atha Ahmad
Pengurus
MPC Wilayah Sarawak

TARIKH : 19 Januari 2022

PERKARA : **MAKLUMATAN PELANTIKAN TENAGA PENGAJAR
BAGI PROGRAM ACS QE/5S DI LEMBAGA
AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK
(LAKMNS) DAN JABATAN PERBENDAHARAAN
NEGERI SARAWAK**

YBhg. Hjh,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Memo ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Hjh, tentang permohonan untuk melantik tenaga pengajar bagi program ACS QE/5S di LAKMNS dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.
2. Untuk makluman Hjh, pada tahun 2021, MPC Sarawak telah menerima permohonan untuk melaksanakan program ACS QE/5S di LAKMNS (8 hari) dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (10 hari). Oleh kerana, kemasukan ke Sarawak akan memerlukan proses kuarantin 14 hari, maka program ACS tersebut telah dibuat oleh pegawai MPC.
3. Disamping itu, dengan perubahan hala tuju dan keutamaan tugas pegawai MPC, maka terdapat keperluan lantikan tenaga pengajar luar untuk memastikan program ACS ini diteruskan.
4. Lampiran 1 dan 2, adalah jadual bilangan hari bekerja dan kadar yuran (hasil) berserta anggaran perbelanjaan dan hasil bagi melaksanakan program ACS QE/5S di LAKMNS dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.
5. Justeru itu, saya ingin memohon kelulusan pihak Hjh untuk melantik tenaga pengajar untuk pelaksanaan program ACS di LAKMNS dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Pengesahan dan kelulusan mengenai pembayaran kepada Tamuasia Dot Com Ventures ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

(Hafiza Atha Ahmad)
Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
Tarikh: 18 Januari 2022

Disahkan dan diluluskan oleh:

(Nor Hafizah Mohd Arop)
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak
Tarikh: 19 Januari 2022

**JADUAL BILANGAN HARI BEKERJA & KADAR YURAN (HASIL)
PROGRAM ACS QE/5S DI LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID
NEGERI SARAWAK (LAKMNS)**

Bil.	Perkara	Hari Bekerja	Hasil (RM)	Fasa
1	Lawatan Perundingan 1	1 hari	3,000.00	Fasa 1 (Selesai – Februari 2021) Pembayaran telah diterima
2	Kursus Kesedaran & Amalan 5S	2 hari	8,100.00	
3	Lawatan Perundingan 2	1 hari	3,000.00	Fasa 2
4	Kursus Audit Dalaman 5S	2 hari	8,100.00	
5	Lawatan Perundingan 3	1 hari	3,000.00	Fasa 3
6	Lawatan Perundingan 4	1 hari	3,000.00	
	Jumlah	8 hari	28,200.00	

*Fasa 2 tertunda kerana pihak LAKMNS selesai urusan pembayaran Fasa 1 pada bulan November 2022 dan kerana program secara fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana PKP.

ANGGARAN PERBELANJAAN PROGRAM

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti (Hari)	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pembayaran Pembekal (Tenaga Pengajar)	5	2,500.00	12,500.00
JUMLAH PERBELANJAAN				12,500.00

ANGGARAN HASIL BERSIH

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Anggaran hasil dari yuran organisasi	8 hari	28,200.00
2.	Anggaran perbelanjaan program	5 hari	12,500.00
ANGGARAN HASIL BERSIH			15,700.00
PERATUSAN HASIL BERSIH			55%

LAMPIRAN 2

**JADUAL BILANGAN HARI BEKERJA & KADAR YURAN (HASIL)
PROGRAM ACS QE/5S DI JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI
SARAWAK**

Bil.	Perkara	Hari Bekerja	Hasil (RM)	Fasa
1	Lawatan Perundingan 1	1 hari	3,000.00	Fasa 1 (Selesai – Mac 2021) pembayaran telah diterima
2	Kursus Kesedaran & Amalan 5S	2 hari	8,100.00	
3	Kursus Audit Dalaman 5S	2 hari	8,100.00	
4	Lawatan Perundingan 2	1 hari	3,000.00	Fasa 2
5	Lawatan Perundingan 3	1 hari	3,000.00	Fasa 3
6	Lawatan Perundingan 4	1 hari	3,000.00	
7	Pra Audit & Audit Pematuhan	2 hari	3,000.00	Fasa 4
	Jumlah	10 hari	31,200.00	

*Fasa 3 tertunda kerana program secara fizikal tidak dapat dilaksanakan kerana PKP dan terdapat kes covid-19 di organisasi. Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak juga memohon penundaan ke tahun 2022.

ANGGARAN PERBELANJAAN PROGRAM

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti (Hari)	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pembayaran Pembekal (Tenaga Pengajar)	3	2,500.00	7,500.00
JUMLAH PERBELANJAAN				7,500.00

*Pembayaran tenaga pengajar hanya diperlukan untuk lawatan perundingan sahaja. Untuk pra-audit dan audit pematuhan akan dilaksanakan oleh pegawai MPC.

ANGGARAN HASIL BERSIH

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Anggaran hasil dari yuran organisasi	10 hari	31,200.00
2.	Anggaran perbelanjaan program	3 hari	7,500.00
ANGGARAN HASIL BERSIH			23,700.00
PERATUSAN HASIL BERSIH			75%